



ក្រសួងកុំដាយយោបាយនគរបាល

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# GARIS PANDUAN **SUKARELAWAN**

Diterbitkan oleh:  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Cetakkan Pertama November 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan cara apa jua, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Negara Brunei Darussalam

Pengkatalogan Data-Dalam-Penerbitan:  
ISBN 978-99917-36-11-2

Editor:  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Reka Bentuk oleh:  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

GARIS  
PANDUAN  
**SUKARELAWAN**



# PETIKAN TITAH

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah,  
Sultan Dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

Di Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-8 Tahun 2013  
Bertempat di Stadium Tertutup  
Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas



**Budaya sukarelawan ini sangat elok, kerana ia bukan  
saja dapat meningkatkan perpaduan dan persefahaman,  
malah juga boleh mendatangkan pahala.**





**Siapa yang bersukarela  
mengerjakan perkara  
kebijakan maka  
sesungguhnya Allah  
memberi balasan pahala,  
Allah lagi Maha Mengetahui**

Surah Al-Bakarah, Ayat 158



# KANDUNC

# GAN

garis panduan  
**SUKARELAWAN**

**9** PENGENALAN AM  
TUJUAN  
DEFINISI ISTILAH

**14** FAEDAH MELIBATKAN DIRI  
DALAM SUKARELA  
HAK SEORANG SUKARELAWAN

**18** PRINSIP SUKARELAWAN  
ETIKA SUKARELAWAN

**20** PANDUAN AM  
SUKARELAWAN  
AGENSI PELAKSANA

**24** RAJAH  
PROSEDUR PELAKSANAAN AKTIVITI LUAR  
/ PROSEDUR TETAP OPERASI


**25** SISTEM  
YSNet

“

dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya.

- Surah Ali-Imran , Ayat 104

”





# Pengenalan

Semangat kesukarelaan adalah salah satu amalan yang mulia. Ia mengajak orang-orang persendirian, badan-badan pertubuhan dan pergerakan sukarela untuk menyumbangkan khidmat bakti kepada masyarakat dan negara secara ikhlas.

Aktiviti-aktiviti sukarela dapat membina jati diri dan sikap positif individu dan masyarakat serta

menyumbang kepada pembangunan negara bangsa yang inklusif dan berdaya maju.

Garis Panduan Sukarelawan merupakan dokumen rujukan dan panduan kepada orang-orang persendirian, badan-badan pertubuhan dan pergerakan sukarela di Negara Brunei Darussalam.

# TUJUAN UTAMA

Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan yang lebih komprehensif kepada para sukarelawan dan agensi-agensi pelaksana di Negara Brunei Darussalam dan menerangkan hak serta keistimewaan para sukarelawan yang

menyertai mana-mana aktiviti dan kerja sukarela. Di samping itu, garis panduan ini juga bertujuan untuk menjadi panduan kepada agensi-agensi pelaksana dalam melaksanakan aktiviti dan kerja sukarela di Negara Brunei Darussalam.





# DEFINASI ISTILAH

Aktiviti atau Kerja Sukarela bermaksud kegiatan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak sama ada daripada agensi kerajaan, pihak swasta, pergerakan-pergerakan belia atau individu persendirian yang dilakukan dengan kerelaan hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan memberikan impak dan manfaat kepada golongan atau pihak sasaran.

SUKARELA

bermaksud kehendak sendiri, tidak dipaksa-paksa, tidak dikerah dan dengan rela hati.

KESUKARELAAN

bermakna melakukan sesuatu dengan kehendak sendiri, tidak dipaksa atau dikerah, dengan niat yang ikhlas atau tulus dan dengan tidak mengharapkan apa-apa pulangan kepada diri sendiri.

SUKARELAWAN

bererti kepada orang atau individu yang melakukan suatu pekerjaan secara sukarela.





## AKTIVITI ATAU KERJA SUKARELA

bermaksud kegiatan yang dianjurkan oleh mana-mana pihak sama ada dari agensi kerajaan, pihak swasta, pergerakan-pergerakan belia atau individu persendirian yang dilakukan dengan kerelaan hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan memberikan impak dan manfaat kepada golongan atau pihak sasaran.

## AGENSI PELAKSANA

bermakna mana-mana pihak yang menganjurkan program atau projek atau aktiviti sama ada daripada agensi kerajaan, agensi swasta, pergerakan belia dan orang-orang persendirian.



# FAEDAH MELIBATKAN DIRI DALAM AKTIVITI SUKARELA





# HAK SEORANG SUKARELAWAN



Penjagaan  
Kebajikan dan  
Keselamatan

Peluang Untuk  
Mengikuti  
Aktiviti  
Sukarela

Peluang  
Latihan yang  
Bersetujuan



# PRINSIP SUKARELAWAN

Mendahulukan Kepentingan Golongan Sasaran

Saling Mempercaya

Beradab dan Beretika

Menjaga Sensitiviti

Adil dan Saksama

Berkongsi Ilmu

Pemedulian

Komitid

Optimis

Ikhlas



# ETIKA SUKARELAWAN

## BERDISIPLIN

- Mematuhi peraturan dan undang-undang
- Tatatertib
- Menggunakan pakaian yang bersesuaian
- Menepati waktu dan janji

## BERMORAL

- Beradab dan beretika
- Menjaga kerahsiaan dan privasi
- Amanah

## BERPERILAKU

- Komited
- Bersedia untuk berkhidmat
- Hormat menghormati
- Peka keadaan sekeliling



# Sukarelawan PERLU MEMASTIKAN

- Agenzi pelaksana sah dan berdaftar**
- Projek adalah sah dan mendapat kebenaran**
- Tujuan organisasi selaras dengan nilai dan kepercayaan sukarelawan**
- Tugas dan tanggungjawab jelas dan lengkap**
- Maklumat yang lengkap mengenai program dan aktiviti mudah diperolehi**
- Aktiviti sukarela sesuai dengan bidang yang diminati dan kemahiran**
- Memahami risiko aktiviti dan mengikuti peraturan kesihatan dan keselamatan kerja**





# JANAM

## SUKARELAWAN | AGENSI PELAKSANA

# PELAKSANAAN AGENSI PELAKSANA

## PERANCANGAN

- Menyediakan kertas kerja yang lengkap
- Menyediakan Prosedur Tetap Operasi (SOP)
- Memastikan program dan aktiviti tidak bertentangan dengan peraturan dan undang-undang negara
- Mendapatkan kebenaran daripada pihak-pihak berkuasa dan agensi-agensi berkenaan
- Menyediakan dan menerangkan tugas dan tanggungjawab dengan jelas
- Merancang penyediaan logistik dan keperluan
- Merancang dan melaksana analisis risiko faedah dan kesihatan keselamatan dan alam sekitar (HSE)

## PERLINDUNGAN DAN KESEJAHTERAAN

- Menyediakan borang akuan dan kebenaran ibu bapa
- Melindungi data dan hak privasi sukarelawan dan golongan sasaran
- Menyediakan penjagaan kebajikan, keselamatan dan kesihatan bagi sukarelawan
- Membuat taklimat keselamatan sebelum aktiviti dijalankan



# SEMASA PELAKSANAAN

## ETIKA

- Memastikan pakaian yang digunakan oleh sukarelawan adalah bersesuaian dan
- Mengeluarkan mana-mana sukarelawan yang melanggar peraturan.

## PENGAWASAN

- Menyediakan rekod kehadiran sukarelawan;
- Membuat taklimat keselamatan; dan
- Memastikan kesejahteraan, keselamatan dan kesihatan menjadi keutamaan.

# SELEPAS PELAKSANAAN

Mengemaskini buku catatan sukarelawan


Mengadakan mesyuarat *post mortem*

Memastikan gambar-gambar sukarelawan tidak digunakan, dikongsikan atau dicetak tanpa persetujuan sukarelawan

Menyediakan laporan lengkap sukarelawan dan aktiviti

# RAJAH

Prosedur Pelaksanaan Aktiviti Luar / Prosedur Tetap Operasi



# SISTEM YSNet



Sistem YSNet (Youth and Sports Net) adalah satu perkhidmatan atas talian yang berasaskan 'web-based' yang disediakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sebagai salah satu platform pengumpulan data bagi belia-belia termasuk individu di kesemua lapisan masyarakat. Sistem ini juga membolehkan orang ramai untuk mengikuti aktiviti-aktiviti kebeliaan dan kesukanan seperti Program Khidmat Bakti Negara, Pusat Pembangunan Belia, Outward Bound Brunei Darussalam dan program-program anjuran Jabatan Belia dan Sukan.



# TALIAN KECEMASAN

1. Setiap sukarelawan adalah dimestikan untuk memberikan nombor telefon yang mudah dihubungi (emergency contact) sekiranya berlaku apa-apa kecemasan.
2. Jika berlaku sebarang kecemasan, pihak penganjur atau sukarelawan disarankan untuk menghubungi talian kecemasan seperti berikut:

<b>Ambulan</b>	<b>991</b>
<b>Polis</b>	<b>993</b>
<b>Bomba dan Penyelamat</b>	<b>995</b>
<b>Mencari dan Menyelamat</b>	<b>998</b>



# **PELAKSANAAN GARIS PANDUAN**

Garis panduan ini berkuatkuasa mulai November 2020.

Sebarang kewahaman mengenai garis panduan ini bolehlah menghubungi ke Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan atau menghubungi talian +6732381903/4/5 sambungan 1301/1304/1305.

Garis panduan ini dikemaskini dari semasa ke semasa mengikut keperluan.

Urus Setia  
Bahagian Belia, Jabatan Belia dan Sukan  
Tingkat 3, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BA1210  
Negara Brunei Darussalam

Penghargaan  
Ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak-pihak berkenaan  
termasuk kepada individu-individu serta Persatuan-Persatuan,  
Pergerakkan-Pergerakkan Belia dan badan bukan Kerajaan.

[www.kkbs.gov.bn](http://www.kkbs.gov.bn) | [www.belia-sukan.gov.bn](http://www.belia-sukan.gov.bn)

ISBN 978-99917-36-11-2

A standard 1D barcode representing the ISBN number 978-99917-36-11-2.

9 789991 736112